Pg = 6





*Shahidan (dua dari kiri) melihat program yang diatur sepanjang SHWP 2022 selepas sidang media di Putrajaya, baru-baru ini.* (Foto BERNAMA)

# 64 program mesra rakyat sempena Hari Wilayah

**Putrajaya:** Sebanyak 64 program berkonsepkan mesra rakyat disusun sepanjang sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2022 (SHWP 2022) di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

Program yang disambut dalam suasana norma baharu itu bermula sejak 15 Januari lalu hingga 28 Februari depan.

Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim, berkata penganjuran SHWP 2022, yang bertemakan 'Keluarga Malaysia' bakal menterjemahkan konsep 'Our City Our Home' melalui enam teras utama iaitu Pengiktirafan; Ilmiah dan Pendidikan; Usahawan; Kemasyarakatan; Seni dan Budaya serta Sukan bagi menjamin kesejahteraan warganya.

"Objektif utama SHWP 2022 adalah untuk menyemarakkan acara sambutan yang melambangkan warga Wilayah Persekutuan yang harmoni, prihatin, maju dan sejahtera, sekali gus mencetuskan semangat muhibah dan integrasi antara masyarakat pelbagai peringkat.

"Situasi ini akan dapat mengeratkan kembali silaturahim seluruh warga Wilayah Persekutuan khususnya selepas hampir dua tahun terpaksa hidup di bawah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat pandemik COVID-19," katanya pada sidang media sempena SHWP 2022, baru-baru ini.

Shahidan berkata, antara program yang dijadualkan adalah program memperkasakan keusahawanan seperti Agrobazar dan Trak Makanan, Karnival Usahawan Muda Kota Mini serta Bazar Kreatif Usahawan Muda Kota bermula dari 7 hingga 24 Februari.

Selain itu, katanya, program Semarak Kasih bagi menyantuni pelajar tahfiz, orang kurang upaya (OKU) dan gelandangan pada 15, 21 dan 24 Februari.

"Kita juga akan mengadakan program Kibar Bendera Wilayah Persekutuan, program Pencahayaan Wilayah Persekutuan dan 18 program sukan yang bertujuan untuk menggalakkan gaya hidup sihat.

"Aktiviti komuniti yang dirancang dan dilaksanakan sepanjang SHWP 2022 ini sememangnya merangsang seluruh warga Wilayah Persekutuan," katanya. BERNAMA

Harian Metro • 1/2/22 (Selasa) • pg: 17

# 64 program konsep mesra rakyat untuk Hari Wilayah 2022

**Putrajaya:** Sebanyak 64 program berkonsepkan mesra rakyat disusun sepanjang sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2022 (SHWP 2022) di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

Program yang disambut dalam suasana norma baharu itu bermula sejak 15 Januari lalu sehingga 28 Februari ini.

Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim berkata, penganjuran SHWP 2022 bertemakan Keluarga Malaysia bakal menterjemahkan konsep *Our City Our Home* melalui enam teras utama iaitu Pengiktirafan; Ilmiah dan Pendidikan; Usahawan; Kemasyarakatan; Seni dan Budaya serta Sukan bagi menjamin kesejahteraan warganya.

"Objektif utama SHWP 2022 untuk menyemarakkan acara-acara sambutan yang melambangkan warga Wilayah Persekutuan yang harmoni, prihatin, maju dan sejahtera, sekali gus mencetuskan semangat muhibbah dan integrasi antara masyarakat di pelbagai peringkat.

> *Situasi ini akan dapat mengeratkan kembali silaturahim seluruh warga Wilayah Persekutuan khususnya selepas hampir dua tahun terpaksa hidup di bawah Perintah Kawalan Pergerakan"*
>
> **Dr Shahidan Kassim**

"Situasi ini akan dapat mengeratkan kembali silaturahim seluruh warga Wilayah Persekutuan khususnya selepas hampir dua tahun terpaksa hidup di bawah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat pandemik Covid-19," katanya pada sidang media sempena SHWP 2022, semalam.

Turut hadir, Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Jalaluddin Alias, Datuk Bandar Kuala Lumpur Datuk Seri Mahadi Che Ngah, Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan Datuk Seri Rosida Jaafar dan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan Rithuan Mohd Ismail.

Shahidan berkata, program yang dijadualkan termasuk program memperkasakan keusahawanan seperti Agrobazar dan Trak Makanan, Karnival Usahawan Muda Kota Mini serta Bazar Kreatif Usahawan Muda Kota bermula dari 7 hingga 24 Februari ini.

"Turut diadakan program Semarak Kasih bagi menyantuni pelajar tahfiz, Orang Kurang Upaya (OKU) dan gelandangan pada 15, 21 dan 24 Februari selain program Kibar Bendera Wilayah Persekutuan, program Pencahayaan Wilayah Persekutuan dan 18 program sukan yang bertujuan untuk menggalakkan gaya hidup sihat.

"Aktiviti komuniti yang dirancang dan dilaksanakan sepanjang SHWP 2022 ini sememangnya merangsang seluruh warga Wilayah Persekutuan seiringan dengan konsep Keluarga Malaysia sekali gus memajukan lagi Wilayah Persekutuan demi kesejahteraan bersama," katanya.



DR Shahidan (dua dari kiri) melihat program yang diatur sepanjang sambutan Hari Wilayah Persekutuan Tahun 2022. Turut sama, Jalaluddin (dua dari kanan).

Hari Wilayah Persekutuan disambut pada 1 Februari setiap tahun bagi memperingati pengisytiharan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan sebagai Wilayah Persekutuan dan tahun ini adalah sambutan kali ke-18 sejak diperkenalkan pada 2004.

Kuala Lumpur diisytiharkan sebagai Wilayah Persekutuan pada 1974 manakala Labuan pada 1984 dan Putrajaya pada 2001.

Sementara itu, Mahadi berkata, DBKL turut menganjurkan Festival Gendang dan Tari Kuala Lumpur (KL Genta) 2022 pada 6 Feb ini di Panggung Anniversary, Taman Botani Perdana di sini sempena ulang tahun ke-50 pengisytiharan Kuala Lumpur sebagai bandar raya pertama di Malaysia sejak 1972.



Shahidan (third from left) at the launch of FT Day celebrations at the Putrajaya Steps. Also present is Federal Territories Deputy Minister Datuk Seri Jalaluddin Alias (second from left). — Bernama



Security officer Irfan Dirman, 23, putting up the Federal Territory flag at SK Pekan Satu in Labuan in conjunction with FT Day today. — Bernama

# Marking FT Day on bigger scale

## After Covid-19 stalled all planned events last year, KL, Putrajaya and Labuan communities strive to make this year's celebrations count

LAST year's Federal Territory (FT) Day celebration was a subdued affair as many events were cancelled to limit social interactions in view of the Covid-19 pandemic.

This year, communities in several low-cost housing areas in Kuala Lumpur are organising month-long events and putting up decorations to mark the occasion.

Sri Sabah 3B Residents Association (RA) chairman Zainal Abidin Abdul Wahab said they planned to hold a *gotong-royong* involving five blocks on Feb 14.

Apart from cleaning up the area, the programme also aimed to foster the community spirit among residents.

"Movement restrictions in the last two years forced most of us to stay at home.

"It would be good to get everyone to mingle while lending a hand to upkeep our housing area," he said.

Zainal said the programme also aimed to tackle the increasing population of stray cats in the area.

"We will put them in a shelter here where they will be cared for by volunteers.

"There have been numerous complaints about these cats dirtying the corridors," he said.

PPR Seri Aman RA in Jinjang Utara plans to organise a sports event for the children to mark FT Day.

There will be two categories for children aged above and below 12.

"The suggestion came from Batu MP P. Prabakaran, who offered to oversee the planning.

"There will be sepak takraw and badminton tournaments, as well as table tennis, if we can get enough participants," said RA chairman Mohamed Nawaz Koya.

Meanwhile, residents at PPR Intan Baiduri in Kepong planned to decorate their housing area with the Federal Territory flag this month.

Its RA chairman Rashid Samad said each block leader had been assigned to do this.

"This has been our tradition for many years," he said, adding that Kuala Lumpur City Hall (DBKL) had provided the flags in previous years.

FT Day commemorates the founding of the three territories, with Kuala Lumpur being the first on Feb 1, 1974.

Labuan and Putrajaya joined on April 16, 1984, and Feb 1, 2001, respectively.

### Malaysian family

Federal Territories Minister Datuk Seri Dr Shahidan Kassim hopes this year's celebration, themed "Keluarga Malaysia", will foster a sense of belonging among residents in the three areas.




Federal Territory Day and Chinese New Year wishes displayed along Jalan Raja Laut in Kuala Lumpur. – AZMAN GHANI/The Star

At a media briefing in Putrajaya, he said 64 programmes had been planned until the end of this month.

To usher in the celebratory mood, heritage buildings, shopping centres, government complexes and education institutions will sport decorative lights throughout February.

Private and public premises are also encouraged to fly the FT flag.

Shahidan said the ministry was also organising a *kenduri* where local communities would be involved in food preparation.

"It will be held in a *gotong-royong* fashion – one in each territory – headed by the Federal Territory Residents Representative Council (MPPWP).

"Members from residents associations in the surrounding areas will also be invited to participate.

"To adhere to the Covid-19 standard operating procedure, the groups will only cook something simple like porridge.

"Our objective is to get communities to come together and connect," he said.

The food prepared will be distributed by MPPWP and RAs, and can also be collected via drive-through.

The *kenduri* for Kuala Lumpur is scheduled for Feb 12 at the Taman Kejiranan Ayer Panas, while Labuan's is on Feb 24 at Kompleks Sukan Laut Labuan.

Putrajaya Corporation City Service Department's community service and sports division deputy director Siti Fadilah Ramli, who is also the MPPWP administrative facilitator, said the *kenduri* in Putrajaya would be held in six areas simultaneously on Feb 19.

"We have planned to split the *kenduri* according to the six subzones to ensure adequate physical distancing.

"Each division has planned to prepare 750 to 800 packs of food for distribution," she said.

For more information about other programmes by the ministry, visit its social media pages or go to www.kwp.gov.my



### KUALA LUMPUR

Nestled in the heart of Klang Valley, the capital city was the first constituent state under the Federal Territories, when it was carved out from Selangor on Feb 1, 1974. This 243sq km region is home to some two million people at night, although this figure doubles during the day when people from outside the city mainly from Selangor travel in for work. Kuala Lumpur is the main financial and economic hub of Malaysia. Kuala Lumpur City Hall, headed by mayor Datuk Seri Mahadi Che Ngah, holds jurisdiction over the territory.



### LABUAN

This territory off the coast of Sabah is home to a relatively small population of around 100,000 people, majority of whom are Malays of Bruneian descent and the Kedayan ethnic group. This 92sq km island is surrounded by six smaller islands namely Burung, Daat, Kuraman, Big Rusukan, Small Rusukan and Papan. In the early 1990s, it gained a reputation as an offshore financial centre. The island is under the jurisdiction of the Labuan Corporation, currently headed by its deputy chief executive officer (Management) Rithuan Mohd Ismail.




### PUTRAJAYA

This 49sq km administrative capital was named after the first Prime Minister, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj. It joined the Federal Territories on Feb 1, 2001, and has since gained a reputation for being a hub for equestrian and water sports events. It is enclaved within the Sepang municipality and bordering Cyberjaya in Selangor. It is home to many ministries and government complexes. The city falls under the jurisdiction of the Putrajaya Corporation that is headed by Datuk Muhammad Azmi Mohd Zain.

# NGO decries targeted vandalism

## Signboards damaged, plants destroyed at Sungai Klang riverbank near KL mall

By BAVANI M.
bavanim@thestar.com.my

A NON-governmental organisation says unknown culprits are destroying its good work in cleaning up a stretch of Sungai Klang near Mid Valley Megamall, Kuala Lumpur.

Friends of Sungai Klang Mid Valley River Three (FoSK TMR3) co-founder Syuen Toh said plastic waste fished out of the river and collected for recycling was burnt.

Metal and other materials kept at the riverside nursery were also destroyed in the fire.

"This was the second arson incident here. The first occurred in December.

"The vandals also cut the mesh wire placed along the sides of a pedestrian bridge to stop rubbish from entering the garden below.

"Among the things thrown below included shopping carts.

"Our pollinating flower plants planted to attract bees and butterflies were also destroyed, and the signage removed," she said.

Also defaced was the River of Life public outreach programme signboard at the site.

FoSK TMR3 is an award-winning NGO that was co-founded by Toh and Kennedy Michael to transform Sungai Klang into a "river park".

Since it started three years ago, volunteers have pulled out 4,000kg of rubbish from the river.

Toh said they had previously caught individuals polluting the river.

"We caught a food trader throwing rubbish into the river on camera and we posted it on social media.

"We also took pictures of a taxi driver throwing rubbish into the river from the bridge.

"We have spoken to the culprits and advised them not to throw rubbish into the river," she said.

Toh added that people were also using a mini staircase connected to the bridge to get to the riverbank area.

Owners of Abdullah Hukum apartments nearby have been pasting room-for-rent advertisements on the bridge, defacing the area with stickers.

"I have asked Kuala Lumpur City Hall (DBKL) and the Drainage and Irrigation Department (DID) to extend the barrier gate for the upper part of the existing entrance to the bridge to deny access to these vandals," said Toh.

The gate is located on the side of the bridge and was built for volunteers involved in the river clean-up.

"We hope the authorities can help seal the area so intruders cannot enter," she added.

When contacted, DID deputy director Ratna Rajah Sivapiragasam asked the NGO to put a request for a barrier in writing and promised to raise the matter with DBKL.



A signboard near Mid Valley Megamall, Kuala Lumpur that has been defaced. — Photos: YAP CHEE HONG/The Star


Toh removing a shopping cart thrown from the pedestrian bridge.

Gaya KEMBARA



DATARAN Putra, Presint 1 berhadapan Masjid Putra di Putrajaya meriah dengan kehadiran pengunjung bersantai bersama keluarga pada malam minggu.

# Malam 'bernafas' di Putrajaya

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI
gayautusan@mediamulia.com.my

MELUANGKAN malam minggu bersama keluarga atau teman dengan bersiar-siar di sekitar Putrajaya, tidak sama suasananya jika dibandingkan kira-kira lebih 15 tahun lalu.

Dulu, lokasi yang menempatkan bangunan pentadbiran kerajaan ini hanya 'hidup' pada waktu bekerja iaitu dari pukul 7 pagi hingga 6 petang. Selebihnya ia 'mati'.

Sebaliknya, hari ini suasana malam di Putrajaya cukup meriah dan *happening*. Perancangan dan pembangunan pesat ditambah pelbagai fasiliti, kemudahan selain elemen tarikan pengunjung dibangunkan di Putrajaya mengubah landskap Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan ini.

Boleh dikatakan hampir setiap hari selepas waktu bekerja hingga malam, pelbagai aktiviti riadah menyihatkan badan seperti berjalan, berlari dan berbasikal dapat dilihat di Putrajaya terutama di sekitar Dataran Putra sehingga ke Presint 4.

Bulatan luas di kawasan tersebut meriah di malam hari menjadi tempat bersantai keluarga membawa anak-anak sambil bergambar kenangan berlatar belakang Masjid Putra dan Bangunan Perdana Putra di samping terdapat arca 'PUTRAJAYA' menjadikan lokasi wajib untuk dikunjungi.



PENGUNJUNG tetap merasai kemeriahan dan keriangan aktiviti malam di Putrajaya walaupun dalam norma baharu.

Keindahan pemandangan tasik juga tidak asing di sini. Antara jambatan menjadi tarikan untuk bergambar di malam hari seperti Jambatan Seri Gemilang di selatan Persiaran Perdana iaitu penghubung utama antara Presint 4 dan Presint 5 serta Jambatan Seri Wawasan, merupakan laluan menghubungkan antara Presint 2 dan kawasan kediaman Presint 8.

**JAMU SELERA**

Sudah penat berjalan-jalan di Putrajaya, pastinya tercari-cari lokasi untuk mengisi perut yang kosong dan anda tidak perlu bimbang kerana banyak tempat dan premis menawarkan makanan dengan pelbagai menu dan pilihan.

Mahu menikmati makanan sambil telinga dihidangkan persembahan *busking* beserta suasana meriah, bolehlah singgah makan di Food Truck Presint 2 dan Food Truck Presint 14 tetapi, pastikan juga prosedur operasi standard (SOP) dipatuhi bagi mengelak jangkitan Covid-19 yang tidak diingini.

Jika inginkan suasana tenang bersama keluarga dan teman secara berkelah, jangan lupa untuk membawa tikar dan menikmati suasana malam di kawasan lapang berhadapan Dataran Putrajaya, Presint 3 sambil anak-anak kecil berlari dan bermain.

Bersambung di muka 22



AKTIVITI busking dan pelbagai gerai makanan menarik minat pengunjung khususnya yang tinggal berdekatan dengan Putrajaya.



PENGUNJUNG menyewa kemudahan beca di Ayer 8, Putrajaya mengelilingi tasik Putrajaya bersama keluarga dan rakan.

### LIMA LOKASI MERIAH MALAM MINGGU DI PUTRAJAYA

» Dataran Putra
» Jambatan Seri Gemilang dan Jambatan Seri Wawasan
» Food Truck Presint 2, Food Truck Presint 14
» Dataran Putrajaya
» Ayer8

Dari muka 21

Lokasi tersebut antara kegemaran pengunjung untuk berkelah dan meluangkan masa bersama keluarga kerana keluasan tempat ditambah lagi cahaya lampu menerangi bangunan Perbadanan Putrajaya (PPj) mengindahkan lagi kawasan itu.

Belum puas berjalan-jalan di Putrajaya dan mahukan aktiviti lain di malam hari, pengunjung disyorkan untuk singgah di Ayer8, Putrajaya kerana lokasi ini bukan setakat menawarkan restoran makanan semata-mata.

Anda boleh singgah ke premis Bubbles & Beans dan menyewa kemudahan seperti beca, e-bike, motorised kids dan scooter tuk-tuk serta bersiar-siar di sekeliling tasik dengan tawaran harga berpatutan.

**SUKA DAN SERONOK**

Rata-rata yang berkunjung ke Putrajaya inginkan lagi suasana damai di tempat tersebut dan itu diakui oleh seorang pengunjung tetap, Masitah Mohamud, 33, dari Keramat, Kuala Lumpur kerana hampir setiap minggu dia ke situ bersama keluarga.

"Di sini banyak tempat menarik dan sesuai untuk keluarga yang mempunyai anak kecil. Saya paling suka berjalan di Ayer 8 pada waktu malam kerana di sini meriah dan pelbagai aktiviti boleh dilakukan," katanya.

Pengunjung, Siti Zainab Mustari, 30, dari Ampang, Selangor berkata, ini kali pertama dia bersama suami serta dua anak berusia empat dan dua tahun berkunjung ke Putrajaya di malam minggu.

"Kami datang ke Putrajaya dan solat maghrib di Masjid Putrajaya seterusnya menikmati suasana malam di Dataran Putra.

"Memang sangat meriah kerana orang ramai bersantai di sini malah anak-anak saya juga nampak gembira," ujarnya.



KANAK-KANAK gembira bermain buih salji di Ayer 8, Putrajaya.

## Limpahan gemerlapan cahaya

MALAM Putrajaya bakal dilimpahi cahaya gemerlapan sempena Bulan Pencahayaan Putrajaya sekali gus menandakan bermulanya Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2022 anjuran Perbadanan Putrajaya demi memaparkan kejayaan Wilayah Persekutuan Putrajaya dari awal perancangan, seni bina dan pengurusan alam sekitar dari awal tahun 1995 sehingga ke hari ini.

Beberapa bangunan ikonik di Putrajaya akan dipancarkan dengan cahaya sehingga 28 Februari ini di Perdana Putra (Pejabat Perdana Menteri), Istana Kehakiman, Kementerian Wilayah Persekutuan, Kompleks Perbadanan Putrajaya, Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin, Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC).

Hiasan cahaya ini akan menyerlahkan lagi elemen seni bina, tekstur serta warna asal bahan-bahan pada bangunan ikonik berkenaan yang berunsurkan kiasan seni bina Islamik moden dan seni bina Melayu moden.

Antara yang menarik perhatian ialah ikonik baharu Putrajaya iaitu Tangga Putrajaya atau Putrajaya Steps yang terletak di Presint 1 turut disimbah cahaya melalui pemetaan cahaya selama empat hari sehingga Sabtu ini bermula pukul 9 hingga 11 malam.

Jika anda buntu mencari lokasi santai di malam hari, bolehlah singgah di Putrajaya untuk menikmati suasana kemeriahannya manakala bagi yang tinggal jauh dari Lembah Klang, banyak kemudahan penginapan seperti hotel untuk tidur bermalam.

# PPj terima pengiktirafan kedua daripada MBOR

**PUTRAJAYA -** Perbadanan Putrajaya (PPj) sekali lagi merangkul pengiktirafan dalam Malaysia Book of Records (MBOR) selepas berjaya melaksanakan Pemetaan Pencahayaan Terbesar pada Tangga Terbuka yang dipancarkan pada Tangga Putrajaya selama empat hari, mulai 26 Januari lepas.

Naib Presiden Kanan PPj, Datuk Fadlun Mak Ujud dalam kenyataan pada Isnin berkata, persembahan pemetaan pencahayaan itu memaparkan video yang berkisar mengenai pencapaian serta kemajuan semasa Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya.

"Di samping itu tidak dilupakan persembahan video Keluarga Malaysia yang memaparkan keharmonian, toleransi dan kesepakatan masyarakat Malaysia sebagai suatu keluarga besar yang harus dibanggakan bersama," katanya.

Beliau berkata, pemetaan pencahayaan itu diadakan sebagai simbolik Majlis Sambutan Hari Wilayah Persekutuan yang diraikan pada 1 Februari setiap tahun.

Pada Jumaat, PPj menempa nama dalam MBOR menerusi Tangga Putrajaya di Taman Putra Perdana Presint 1, yang diiktiraf sebagai 'Tangga terpanjang di taman awam'. - *Bernama*




**PPj mendapat pengiktirafan dalam MBOR selepas berjaya melaksanakan Pemetaan Pencahayaan Terbesar pada Tangga Terbuka yang dipancarkan pada Tangga Putrajaya selama empat hari mulai 26 Januari lepas.**

Harian Metro • Khamis 3/2/22 • pg: 25

# Sisiran Floria kembali meriah



ORANG ramai berkunjung ke Sisiran Floria yang dibuka bermula semalam sempena cuti Hari Wilayah dan Tahun Baharu Cina. - Gambar NSTP/SAMADI AHMAD

**Putrajaya:** Selepas sekian lama sepi kehadiran pengunjung, Tapak Anjung Floria di Presint 4 di sini, kembali meriah dengan kehadiran orang ramai selepas dibaik pulih Perbadanan Putrajaya (PPj).

Ketua Penolong Pengarah Alam Sekitar Tasik dan Wetlands PPj, Wan Sabarudin Wan Ahmad, berkata pembukaan Sisiran Floria berwajah baharu kelmarin sempena Hari Wilayah dan Tahun Baharu Cina.

Menurutnya, kawasan ini menjadi satu lagi tarikan pelancongan baharu Putrajaya membabitkan lima bahagian iaitu pantai berpasir (sandy beach), bot kawalan jauh, memancing, berkhemah dan kayak.

Katanya, lokasi *sandy beach* masih melalui proses akhir penambahbaikan dan dijangka dibuka kepada orang ramai bermula 15 Februari ini.

"Tarikan baharu ini adalah usaha PPj meningkatkan lagi jumlah pengunjung di pusat pentadbiran kerajaan. Pengunjung hanya dikenakan sedikit bayaran," katanya.

Tinjauan ke Sisiran Floria mendapati kawasan itu menjadi tumpuan pengunjung sebaik cuti Hari Wilayah dan Tahun Baharu Cina bermula kelmarin.

Pengunjung tidak melepaskan peluang untuk berkayak, memancing dan bersantai bersama keluarga di tepi tasik.

Pekerja swasta, Zainuddin Wan Ismail, 34, dari Kampung Seri Tanjung, Dengkil, berkata, dia datang bercuti di kawasan ini bersama keluarga selepas mengetahui Sisiran Floria dibuka melalui laman Facebook PPj.

Menurutnya, dia gembira dapat menghabiskan cuti bersama ahli keluarga dalam suasana persekitaran yang damai serta menyeronokkan.

- Utusan Malaysia
- 3/2/22 (Khamis) pg: 32

# Putrajaya FM terbit *Dirgahayu Putrajaya*

**PUTRAJAYA:** Bersempena dengan sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2022, Putrajaya FM mengambil inisiatif menerbitkan sebuah lagu baharu khas yang berjudul *Dirgahayu Putrajaya*.

Uniknya, melodinya dicipta sendiri oleh Pengarah dan Penerbit Eksekutifnya, Megat Iskandar Megat Zaharuddin At-Terawis yang juga merupakan juruhebah stesen itu dengan nama DJ M.

"Liriknya ditulis aktivis puisi terkenal dari kumpulan The Sajak Sisters, Noor Dalina Khalid yang merupakan karyawan tamu di Putrajaya FM," jelas kenyataan saluran radio itu di sini semalam.

Menurutnya, inisiatif itu diilhamkan daripada kemeriahan lagu-lagu malar segar bagi meraikan perayaan khusus tertentu seperti Hari Raya Puasa, Bulan Kemerdekaan dan sebagainya lagi.

Bagaimanapun ujarnya, setakat ini kebanyakan karya lagu yang mencerminkan imej Wilayah Persekutuan hanya bertemakan Kuala Lumpur dan menjadi tonggak utama sejak sekian lama.

Justeru, menerusi lagu *Dirgahayu Putrajaya*, stesen atas talian yang berpusat di Putrajaya itu berharap karya tersebut diangkat setara dengan lagu-lagu lain berkaitan Wilayah Persekutuan.

"Ia telah dimuat naik ke Internet semalam dengan proses rakaman dibuat di studio Putrajaya FM dan dapat kerjasama kru penerbitan portal berita rakan strategik rasmi, WilayahKu," katanya.

Menariknya, video lagu berdurasi lima minit 29 saat itu menampilkan dua artis bekas program popular Akademi Fantasia iaitu Aliff Razali dan Nas Adilla selain semua juruhebah Putrajaya FM.

Di samping itu, mereka turut merakamkan video lagu kombinasi bertajuk *Medley Kuala Lumpur*.